



**TERIMA KASIH:** Kasim ketika berucap pada pembukaan mesyuarat itu.

## UMS tuan rumah mesyuarat JTPK 2023

**UB 30.09.2023 P.06**

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjadi tuan rumah Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), baru-baru ini.

Pada pembukaan mesyuarat itu, Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr. Kasim Hj Mansor mewakili pengurusan tertinggi UMS menyampaikan penghargaan atas kepercayaan KPT memilih UMS sebagai tuan rumah.

“UMS turut berbesar hati mengucapkan terima kasih atas kelulusan projek yang diberikan oleh KPT sebelum ini.

“Untuk makluman, pada Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11), KPT meluluskan sejumlah RM104 juta untuk lapan projek, manakala melalui RMK-12 pula, UMS menerima kelulusan RM109.5 juta meliputi 10 projek.

“Ini tidak termasuk projek yang diluluskan melalui naik taraf infra usang dan fasiliti OKU dengan jumlah RM10.6

juta setakat ini,” katanya.

Beliau turut memaklumkan UMS sedang dalam pembinaan Hospital Pengajar UMS (HUMS) di bawah Public Private Partnership (PPP).

“Hospital Pengajar UMS telah pun mencapai 46% kemajuan dan dijangka siap pada bulan Jun tahun 2025,” tambahnya.

Bagi Rolling Plan ke-4 RMK12, UMS telah pun memohon sebuah Dewan Kuliah Pusat di Fakulti Pertanian Lestari, Sandakan dengan anggaran kos RM55.5 juta dan selebihnya adalah permohonan ICT, penggantian peralatan usang dan pembaikan bangunan asrama Kampus Antarabangsa Labuan yang telah usang.

Mesyuarat JTPK tersebut dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KPT, Dato’ Seri Abdul Razak Jaafar.

Turut hadir Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan & Pembangunan) Datuk Dr. Mohd Zabri Yusoff, wakil universiti awam, politeknik, Kolej Komuniti dan agensi di bawah KPT.